

Headline	PENUBUHAN MAKMAL KHAS UNTUK UJI STATUS HALAL WAJAR		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	06 Nov 2012	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	185 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 420
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,260



PENUBUHAN MAKMAL KHAS UNTUK UJI STATUS HALAL WAJAR

MAKMAL Analisis Institut Halal Malaysia yang akan ditubuhkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan menjadi satu-satunya makmal seumpamanya di dunia, sekali gus meningkatkan jaminan halal bahan yang diuji.

Hakikatnya, tiada mana-mana kerajaan di dunia membina makmal atau institut khas untuk menguji dan menganalisis status halal sesuatu bahan kerana selalunya ia hanya dikendalikan oleh universiti atau pihak swasta.

Justeru itu, pembinaan makmal ini menunjukkan kesungguhan kerajaan yang mahu menjadikan Malaysia sebagai Pusat Halal Dunia dengan menjadikan JAKIM sebagai rujukan utama dalam persijilan halal.

Ketika ini JAKIM bekerjasama dengan Makmal Analisis Sementara Produk Halal Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi melaksanakan persijilan halal.

Pusat itu akan mempunyai 57 kakitangan dan pegawai, termasuk juruanalisis

makanan dan ahli kimia, serta beroperasi sepenuhnya pada 2013. Ia akan mempunyai lima unit iaitu Unit Fiber, Kulit dan Bulu; Unit Alkohol; Unit Lemak dan Minyak; Unit Protein dan Gelatin serta Unit Aditif (bahan tambah).

Makmal itu tidak hanya menganalisis makanan, malah berupaya menguji apa saja produk atau bahan termasuk peralatan yang digunakan dalam pembedahan klinikal. Dengan ini kita boleh menguji apa saja bahan dan jika memenuhi syarat dan piawaian halal, kita akan memberi persijilan halal JAKIM yang diiktiraf di seluruh dunia.

Realitinya, halal bermakna keuntungan. Ini kerana produk halal akan memberi keyakinan kepada semua pelanggan sama ada Muslim atau bukan Muslim.

Industri halal bukan sahaja memberi manfaat kepada 1.8 bilion masyarakat Islam di seluruh dunia, malah kepada 4.8 bilion penduduk dunia yang bukan Islam

turut mendapat manfaat daripada industri halal.

Pelancongan di seluruh dunia memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi. Berdasarkan laporan akhbar, kira-kira AS\$2.5 trilion (RM8.5 trilion) dibelanjakan oleh para pelancong sepanjang perjalanan dan percutian mereka.

Ini bermakna pelancongan Islam yang menyedia perkhidmatan Islam mempunyai potensi yang amat besar dalam industri halal dan akan mendatangkan pulangan yang besar kepada peningkatan pendapatan negara.

Makan adalah suatu keperluan asas dan tidak boleh diambil secara sambil lewa kerana ia akan memberi kesan kepada manusia secara fizikal dan spiritual.

Penyediaan dan pengendalian harus diberi perhatian untuk menjamin kebersihan dan kualiti makanan atau produk yang dihasilkan.